

01/05/2003

Dr M harus dipujuk jadi penasihat kanan

Mohd Fuad Razali; Zainab Yatim

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijangka mengundur diri daripada menerajui kerajaan Oktober ini harus dipujuk agar kekal memainkan peranan sebagai penasihat kanan, kata Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd, Tan Sri Abdullah Ahmad.

Katanya, peranan itu bukanlah semata-mata sebagai penghargaan terhadap sumbangan besar Dr Mahathir kepada negara.

"Ia lebih kerana kepimpinan kukuh yang dinikmati selama 22 tahun ini, amat sukar untuk dilepaskan, berikutan ia sudah menjadi kebiasaan kepada kita.

"Negara masih memerlukannya dan beliau berhak menyaksikan usaha dan membimbing kita ke arah mencapai Wawasan 2020 yang diilhamnya," kata Abdullah ketika memberi ceramah pada majlis makan tengahari anjuran bank saudagar, Commerce International Merchant Bankers Bhd (CIMB), di Hotel Sheraton Imperial di sini, semalam yang dihadiri lebih 100 pengurus dana.

Dalam mengutarakan pandangannya itu, Abdullah turut mengecam sikap majalah The Economist dalam isu 5 April yang memperlekehkan sumbangan Dr Mahathir dan cuba mempersendakan pencapaian Perdana Menteri dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Perubahan yang diusahakan sejak krisis kewangan 1997 diakui The Economist. Namun apa yang menyebabkan saya meluat ialah sikap hidung tinggi, kurang sensitif dan kesimpulan melulu penulisnya.

"Sikap angkuh orang Barat serba tahu yang meneliti kita daripada teropong jarak jauh, sarat terkandung dalam artikel berkenaan.

"Dr Mahathir sudah memutuskan untuk bersara dan kita tahu beliau mahu mengundur diri lebih awal jika tidak kerana krisis 1997," katanya.

Abdullah berkata, era sekarang penuh dengan ketidaktentuan dan penyakit Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) serta perang Iraq bukanlah ketidaktentuan yang terakhir.

Ketidaktentuan akan menjadi faktor tetap pada masa depan, lebih-lebih lagi apabila ekonomi negara semakin diintegrasikan dengan ekonomi dunia.

"Kita bukan bodoh. Kita tahu apa yang perlu dilakukan. Namun, ketidaktentuan mewujudkan keperluan mendesak untuk mengalih perhatian dan mencari-cari penyelesaian psikologi yang dibawa oleh sesuatu kepercayaan dan dogma," katanya.

Dalam menghadapi situasi ini, katanya, ada yang melepaskan beban autonomi dan daya pemikiran yang dimiliki dan membiarkan doktrin kebodohan yang banyak ditawarkan untuk membantu mereka berdepan dengan ketidaktentuan.

"Kebodohan yang tidak sengaja ini akan menjadi penyebab kejatuhan kita. Kita tidak seharusnya jatuh dalam perangkap fundamentalisme agama yang cepat melatah serta kesombongan dan keangkuhan orang yang menyangka mereka lebih mengetahui daripada kita sendiri, sama ada di kalangan ulama kita mahupun golongan seperti The Economist," katanya.

Abdullah menjangkakan pilihan raya umum akan berlangsung tahun depan.

Katanya: "Dalam apa keadaan sekalipun ia mesti diadakan sebelum akhir Mac tahun depan dan dalam apa keadaan sekalipun ia akan diadakan sebelum November."

Beliau yakin Barisan Nasional akan terus memerintah Malaysia dengan menguasai sebilangan besar negeri di negara ini.

"Pada amnya, status quo akan kekal. Tetapi akan wujud beberapa kejutan. Walau apa pun, tidak nampak jalan pembangkang akan menang kerana rakyat

Malaysia kelas menengah dari semua kaum akan bangun memberi sokongan kepada status quo," katanya.

Menurut Abdullah lagi, pengalaman sejak 1995 menunjukkan lebih baik prestasi ekonomi, lebih besar keuntungan yang diperoleh oleh Barisan Nasional, malahan prospek kestabilan serta keharmonian negara juga lebih cerah.

"Kunci utama ialah pengurusan ekonomi dan amalan kawalan politik yang membantu mencapainya. Namun begitu, kunci utama yang dipelihara itu kini berubah mengikut arus globalisasi," kata Abdullah.

Kata beliau, di bawah Rancangan Ekonomi Baru, kerajaan berjaya menyelesaikan masalah persaingan dalaman dan pecahan antara kaum.

"Bagaimanapun, kini kita perlu bergelut dengan persaingan global di pentas persaingan yang sama dengan bangsa lain. Kita perlu membina ekonomi politik berdasarkan merit, inovasi, perniagaan dan bakat.

"Dalam lain perkataan, pengasingan ekonomi dan politik perlu dibuat secara perlahan-lahan dan kerajaan hanya perlu campur tangan ketika perlu saja iaitu untuk mengekalkan keamanan dan harmoni," katanya.